

# Pelajar Politeknik Metro Johor Bahru lawat FKAL

UB 20.9.2018 A6

LABUAN: Seramai 15 pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam Politeknik Metro Johor Bahru telah menyertai Lawatan Akademik ke Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Selasa lalu.

Pelajar itu yang diiringi enam pensyarah mengadakan Lawatan Akademik ke Institusi Kewangan dan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) ke Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah.

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) FKAL Dr Suzillah Haji Sidek yang mewakili Dekan FKAL Prof Madya Dr Zaiton Osman menyampaikan taklimat mengenai fakulti itu di Bilik Seminar Kiamsam.

Turut hadir, Pensyarah Kewangan Islam HE23 Pg Mohd Faezul Fikri Pg Omar dan Penolong Pendaftar Kanan FKAL Noraini Samsu.

Selain FKAL, rombongan itu turut melawat Labuan FSA di Kompleks Ujana Kewangan Labuan sebelum meneruskan perjalanan ke UMS Kota Kinabalu.

Suzillah yakin menerusi



**SUZILLAH (tiga kanan) dan Nurlinda (tiga kiri) bertukar-tukar cenderamata selepas taklimat FKAL.**

program itu, pelajar dan pensyarah Politeknik Metro mendapat maklumat mengenai FKAL dan UMS Labuan secara keseluruhannya.

Pada ketika ini, FKAL mempunyai 2,051 pelajar dari Tahun Satu hingga

Tiga dan 46 pensyarah yang berpengalaman.

Sementara itu, ketua rombongan Nurlinda Abdullah yang juga Ketua Jabatan Akademik Politeknik Metro Johor Bahru berkata lawatan itu bertujuan mendapatkan maklumat

tentang FKAL dan peluang pelajar melanjutkan pengajian di peringkat ijazah pertama.

"Lawatan pertama kali ini sangat bermakna kerana kami mendapat maklumat dan peluang pelajar melanjutkan pengajian di UMS Labuan," katanya.